

# nexnews


## TAKLIMAT *SUPERFISH* KEPADA JURULATIH KERJAYA DAN RAKAN SEKERJA *SUPERFISH HOLDS BRIEFING FOR COACHES AND ASSOCIATES*

Rakan sekerja yang berminat untuk memulakan perusahaan penanaman cili bersama *Superfish Growers* telah diberikan taklimat terperinci oleh syarikat tersebut mengenai projek bersama, yang akan dilaksanakan pada awal tahun 2021. Antara topik yang disentuh ialah pembinaan rumah hijau, faedah kaedah pertanian secara tertutup, unjuran aliran tunai dan komitmen yang diperlukan oleh rakan sekerja yang terlibat dalam projek berkenaan. Taklimat disampaikan oleh COO syarikat tersebut, Lee Wei Lee dan Hazel Lim, Pengurus Pembangunan Perniagaan.

*Associates keen to pursue chilli farming with Superfish Growers were given a detailed presentation by the company to better inform them about the joint-project, which will be implemented at the beginning of 2021. Among topics touched were the construction of greenhouses, benefits of closed indoor farming method, the projected cash flow and the commitment required of associates involved in the project. The briefing was done by the company's COO, Lee Wei Lee and Hazel Lim, Business Development Manager.*



Gambar-gambar semasa taklimat dari kumpulan Superfish dan Nexus  
*Combo pictures of the Superfish and Nexus teams making their presentation*



Sesi soal jawab | *The question and answer session*



Pasukan pengurusan DevCos dan jurulatih kerjaya yang menghadiri sesi  
*The DevCo officials and coaches attending the session*

## 2 RAKAN SEKERJA NEXUS HADIRI BENGKEL KETAM LUMPUR *2 NEXUS ASSOCIATES ATTEND MUDCRAB WORKSHOP*

2 rakan sekerja yang berminat untuk berkecimpung dalam memelihara ketam lumpur menghadiri bengkel seharian pada hari Sabtu, 21 November, Sabtu di Berjaya Aquaculture Kg Danau, Tutong. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Dato Paduka Hj Jamain bin Julaihi, Ketua Pegawai Eksekutif Berjaya Aquaculture. Kedua-dua peserta, Ali Hj Mohd Daud dan Hamirulamran bin Ramli menyertai kursus sebagai lanjutan daripada taklimat ketam lumpur yang disampaikan oleh Dato Paduka Hj Jamain pada bulan Ogos yang lalu.

*2 associates, keen to learn the art of farming mud crab attended a day-long workshop on Saturday, 21 November at Berjaya Aquaculture in Kg Danau, Tutong. The workshop was conducted by Dato Paduka Hj Jamain bin Hj Julaihi, CEO of Berjaya Aquaculture. The two participants, Ali Hj Mohd Daud and Hamirulamran bin Ramli decided to take up the workshop as a follow-up of the talk on mud crab farming presented by Dato Hj Jamain in August.*



Ali Hj Mohd Daud and Hamirulamran bin Ramli dari Nexus

## PARA PEMENANG *PITCH DAY* PERTAMA TERIMA HADIAH *FIRST PITCH DAY STARTUP WINNERS RECEIVE PRIZES*



Jenny Malai Ali (GIG), Sahlan Suhaili dan Isa Said (Meng-Game) serta Wafi Rusli (Showtime) menerima hadiah masing-masing dari Hajah Nor Azura, Ketua Pegawai Eksekutif, Nexus  
The winners receiving their prizes from Hajah Nor Azura, CEO Nexus

Tiga pemenang *Pitch Day* pertama bagi syarikat *startup* DevCo telah menerima baucar makanan pada hari Selasa, 17 November sebagai sebahagian daripada hadiah kemenangan mereka kerana dipilih sebagai 3 peserta teratas. Mereka adalah GIG, Meng-Game dan Showtime Creative Entertainment Services. Menyampaikan hadiah bagi pihak ketiga-tiga DevCos ialah Hajah Nor Azura Hj Mohd Tahir, Ketua Pegawai Eksekutif Nexus. Hadir pada majlis ringkas itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif DST DEvCo dan Hajah Norfaezah Hj Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif Evolve.Me.

*The three winners of the first Pitch Day for DevCo startups were presented with food vouchers on Tuesday, 17 November as part of their winning prizes for being selected as the top 3 participants. They were the GIG, Meng-Game and Showtime Creative Entertainment Services. Presenting the prizes on behalf of all the three DevCos was Hajah Nor Azura Hj Mohd Tahir, CEO of Nexus. In attendance at the brief ceremony were Madam Ang Siok Tuan, CEO of DST DEvCo and Hajah Norfaezah Hj Ibrahim, CEO of Evolve.Me.*



Para pemenang bersama kumpulan pengurusan dari ketiga-tiga DevCo  
*The winning teams with the management of the three DevCos*

## WEBINAR ACASIA – MENGLOBALKAN ASEAN ACASIA WEBINAR – GLOBALISING ASEAN

Usahawan yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai cara mengglobalkan perniagaan mereka dan memahami apakah cabaran bagi melaksanakannya berpeluang menyertai Siri Webinar Acasia pada Jumaat, 27 November yang lalu. Webinar bertajuk *Globalising ASEAN* melibatkan tiga penceramah dari Malaysia dan Myanmar.

*Entrepreneurs willing to know more about how to globalise their businesses and understand the challenges of doing it had the opportunity to join the Acasia Webinar Series on Friday, 27 November. The webinar entitled Globalising ASEAN involved three speakers from Malaysia and Myanmar.*



Para pengendali | *The moderators*



The panelists



Kakitangan yang menyertai webinar  
*Staff joining the webinar*

## NEXUS SERTAI MAJLIS MEMBACA SURAH YAASIN DAN TAHLIL NEXUS JOINS MASS RECITAL OF SURAH YAASIN AND TAHLIL

Seramai 60 Orang kakitangan dan rakan sekerja Nexus telah menyertai Majlis Membaca Surah Yaasin dan Tahlil 40 Hari Bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim yang berlangsung disemua masjid-masjid di negara ini pada hari Rabu, 2 Disember 2020. Rombongan Nexus adalah dibawah Darussalam Assets yang juga melibatkan kesemua GLCs dibawah organisasi berkenaan. 10 kakitangan telah menyertai majlis tersebut di Masjid Perpindahan Lambak Kanan sementara 50 orang lagi menyertai para jemaah di Masjid Pelambayan, Jalan Kota Batu.

*About 60 Nexus staff and associates joined the Recitation of Surah Yaasin and Tahlil in conjunction with 40 days of the passing of His Royal Highness Prince Abdul Azim. The ceremony held in all mosques throughout the country was held on Wednesday, 2 December 2020. The Nexus group is under Darussalam Assets that also involved all GLCs under the organisation. 10 staff attended the ceremony at Masjid Perpindahan Lambak Kanan while the other 50 joined worshippers at the Masjid Pelambayan in Jalan Kota Batu.*



Masjid Perpindahan Lambak kanan

Masjid Pelambayan

## PEMENANG CABUTAN BERTUAH NEXGERAI BULAN NOVEMBER NEXGERAI NOVEMBER LUCKY DRAW WINNERS



Muhammad Hairolnursyazwan Bin Md. Khairulshahlee



Siti Salmiah Bte Hj Mohd Jaafar



Norsiah Bte Haji Md Yusof



Nurul Nabilah Bte Pengiran Md. Salleh Chuchu



Hajah Rostinah Bte Haji Ibrahim